



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KOMPLEKS KOMUNITI MUHIBBAH MERUPAKAN AKUJANJI KERAJAAN YANG DIREALISASIKAN DI PARLIMEN SEPUTEH

KUALA LUMPUR, 27 Februari 2016 – YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia menghadiri Majlis Perasmian Kompleks Komuniti Muhibbah dan Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan di Seputeh bersama YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Utama Tengku Adnan Bin Tengku Mansor. Ini merupakan inisiatif kerjasama strategik Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan.

2. Inisiatif KWP dan DBKL dalam pembangunan projek ini adalah bagi memastikan warga PPR Kg. Muhibbah mempunyai ruang untuk aktiviti kemasyarakatan. Kompleks Komuniti Muhibbah yang dibina di PPR Kg. Muhibbah ini merangkumi pembangunan sebuah dewan pusat komuniti dua (2) tingkat, gelanggang badminton, perpustakaan, pusat aktiviti warga emas, Klinik 1Malaysia, tadika, surau, taman permainan kanak-kanak dan laman kenangan bagi aktiviti warga emas serta kemudahan tempat letak kereta. Pembinaan kompleks ini adalah atas keprihatinan kerajaan terhadap keperluan kemudahan dan fasiliti bagi memberi keselesaan kepada lebih 10,693 penghuni iaitu 2458 keluarga PPR Kg. Muhibbah yang telah mula diduduki pada 15 May 2004.

3. Kompleks berhawa dingin ini mula dibina pada 24 Julai 2014 dan siap sepenuhnya pada 18 Januari 2016 yang merupakan salah satu Projek Akujanji Kerajaan Persekutuan yang telah diumumkan pada 14 Jun 2012 atas masalah ketiadaan kemudahan dewan yang sesuai untuk penduduk PPR Kg. Muhibbah dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Kompleks bersepadu dengan ruang

dewan yang besar dan selesa yang dapat menampung sehingga 3 ribu orang pengunjung dalam satu-satu masa merupakan keistimewaan yang terdapat di Kompleks Komuniti Muhibbah berbanding kompleks komuniti di kawasan yang lain. Penduduk juga tidak perlu ke luar kawasan kerana Klinik 1Malaysia bukan sahaja menawarkan rawatan pesakit luar namun terdapat juga perkhidmatan klinik ibu mengandung dan kanak-kanak.

4. Manakala bagi pelan perancangan jangka masa panjang, akan diperkenalkan kelas tuisyen, kelas kemahiran untuk wanita dan program Perkasa Remaja di bawah Permata Negara bagi memperluaskan kepelbagaiannya penggunaan kompleks ini. Penyeliaan dan penyelenggaraan kompleks ini adalah di bawah tanggungjawab sepenuhnya Jabatan Pengurusan Perumahan Dan Pembangunan Komuniti DBKL dalam memastikan kompleks komuniti ini sentiasa dalam keadaan baik dan terjaga.

5. Pada hari ini juga diadakan Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Seputeh dengan kehadiran seramai 7,000 orang warga PPR Kg. Muhibbah yang terletak di antara Parlimen Bandar Tun Razak, Parlimen Seputeh dan Parlimen Lembah Pantai. Komuniti PPR Kg. Muhibbah yang terdiri daripada pelbagai peringkat lapisan masyarakat serta NGO's menjayakan program pada hari ini yang telah bermula sejak semalam melalui konsep gotong-royong dalam penyediaan juadah kenduri. Aktiviti-aktiviti lain seperti program riadah dan sukan telah bermula pada 22 Februari dalam menggalakkan penyertaan komuniti serta membangkitkan semangat kerjasama di antara satu sama lain. Gotong-royong kebersihan dan program anti denggi juga turut dilaksanakan bagi membersihkan kawasan terbiar di sekitar PPR Kg. Muhibbah ini.

6. Melalui program-program transformasi kerajaan yang dilaksanakan, ia mencerminkan keprihatinan kerajaan dalam menjaga kebijakan dengan berpaksikan kepada kesejahteraan rakyat. Diharap dengan usaha kerajaan melalui KWP menyediakan kemudahan awam dengan pembinaan Kompleks Komuniti Muhibbah ini dapat mensejahterakan dan menceriakan rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan di PPR Kg. Muhibbah ini.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat, KWP

27 Februari 2016